



Kuasai bahasa asing



Penguasaan bahasa asing memberi nilai tambah kepada pelajar.

Kemahiran berbahasa asing mampu mengangkat kedudukan individu di mata masyarakat dan kedudukan bangsa di persada dunia. Kemahiran yang diperolehi hasil daripada usaha dan ikhtiar itu memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan negara dalam pelbagai aspek.

Namun begitu, tahap penguasaan bahasa asing sebahagian daripada mahasiswa dan graduan ketika ini masih kurang memberangsangkan. Tahap kemahiran mendengar, menulis, membaca dan bertutur belum mencapai tahap memuaskan.

Lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris contohnya, kerap menjuarai senarai teratas punca utama graduan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) gagal mendapat pekerjaan yang sesuai sebaik saja tamat pengajian.

Masalah lemah kemahiran komunikasi itu bukan hanya berlaku pada bahasa Inggeris, malah bahasa asing lain yang diberi perhatian khusus di negara ini

termasuk bahasa Arab, Perancis, Jepun dan China.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, ketika berucap dalam Majlis Perutusan Tahun 2014 Kementerian Pendidikan jelas menyatakan usaha mahu menjadikan bahasa Arab sebagai elemen penting dalam kurikulum kebangsaan.

Gagal mempraktikkan

Pensyarah Kanan Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Dr Ab Halim Mohamad, berkata berdasarkan pengamatannya, kelemahan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan graduan IPTA membingungkan.

Beliau berkata, kegagalan mempraktikkan bahasa Arab dengan baik satu daripada faktor yang menjejaskan keupayaan berkomunikasi mereka.

Katanya, impian menjadikan bahasa Arab sebagai antara pemacu generasi ulama pelapis dan cendekiawan Islam yang serba boleh pada masa hadapan, akan terus kekal menjadi impian

selagi tahap penguasaan bahasa Arab mahasiswa dan graduan masih lagi di tahap kurang memberangsangkan.

Sudah banyak usaha dan inisiatif pelbagai pihak untuk membantu memberi ruang dan peluang seluas-luasnya kepada mahasiswa dalam mendepani masalah yang kian meruncing itu.

Kementerian Pendidikan memperuntukkan RM70 juta pada tahun lalu khusus bagi pelaksanaan program berkaitan pengukuhan bahasa Inggeris di seluruh 20 IPTA.

Selain meningkatkan penguasaan bahasa dalam kalangan mahasiswa, usaha murni itu sekali gus membantu meningkatkan ciri kebolehpasaran graduan IPTA.

Mahasiswa umumnya dan graduan khususnya perlu mengambil langkah proaktif untuk keluar daripada kemelut permasalahan yang sudah lama berlarutan ini.

Steve Kaufmann iaitu ahli bahasa yang menguasai sembilan bahasa dengan baik berkongsi pandangan dalam bukunya, *The Way of The Linguist A Language Lear-*

ning Odyssey, bahawa usaha seseorang dalam mempelajari satu-satu bahasa dengan caranya yang tersendiri mengatasi usaha guru yang mengajarnya. Hal ini demikian kerana guru hanya mampu menggalakkan dan memberi semangat.

Imbangi kecemerlangan

Sementara itu, kecemerlangan graduan dalam peperiksaan sememangnya memberangsangkan. Kemampuan untuk menamatkan pengajian dengan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif 3.00 ke atas merupakan kayu ukur yang jelas.

Namun demikian, siswazah perlu menyeimbangkan pencapaian akademik cemerlang dengan kemahiran insaniah yang tinggi. Penguasaan bahasa asing yang baik adalah salah satu kemahiran insaniah yang perlu dimiliki sebagai nilai tambah ketika bersaing dalam alam pekerjaan, bahkan menjadi kayu ukur penting dalam melahirkan mahasiswa yang serba boleh.

Selain itu, bahasa asing seperti bahasa Inggeris merupakan bahasa ilmu

yang terpakai dalam pelbagai cabang ilmu termasuk perubatan, kejuruteraan, keusahawanan, ekonomi, sains dan matematik.

Menguasai bahasa antarabangsa itu langkah besar untuk mengaut lautan ilmu. Pencapaian Datuk Dr Afifi al-Akiti yang juga anak Melayu pertama dilantik sebagai felo dan pensyarah di Universiti Oxford, United Kingdom, wajar dicontohi.

Berlatar belakang pendidikan aliran agama dan pernah mengikuti pengajian agama secara tradisional di Indonesia, Maghribi dan Syria, pencapaian beliau mengangkat kedudukan dunia pendidikan Islam dan imej negara.

Kejayaan beliau antara lain, bertitik tolak daripada penguasaan enam bahasa asing iaitu Arab, Inggeris, Perancis, Jerman, Latin dan Yunani.

Tegasnya, mahasiswa hendaklah membuat persiapan yang rapi dalam aspek penguasaan bahasa asing di samping turut mengimbanginya dengan kecemerlangan akademik.